



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 ()

Tarikh : 19 JANUARI 2015

**Ketua Pengarang,
KOSMO!**

Tuan/Puan,

MAKLUMBALAS CADANGAN AWAM MENGENAI PENGLIBATAN REMAJA LUAR BANDAR DENGAN MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH MELALUI AKHBAR KOSMO! 9 JANUARI 2015 DALAM RUANGAN SMS (M/S 50).

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada isu yang dikemukakan oleh **NENEK JU** melalui akhbar KOSMO! bertarikh 19 Januari 2015.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi aduan berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **NENEK JU** dalam permasalahan dadah golongan remaja di luar bandar. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut dan AADK kini telah merancang pendekatan yang lebih holistik dalam program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan mahupun penguatkuasaan. Bagi tahun 2015 AADK telah merancang program pencegahan dadah yang mengfokuskan kepada golongan remaja di kawasan berisiko tinggi serta dikawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca KOSMO!, salurkan aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

(IZHAR BIN ABU TALIB)

Timbalan Ketua Pengarah Operasi,
Agensi Antidadah Kebangsaan,
Kementerian Dalam Negeri

s.k - Dato' Ketua Pengarah, AADK
- Pengarah Pencegahan, AADK
- Pengarah Pengesanan dan Pengawasan, AADK

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008
Cert. No.: KLR 6008765